

BANTUAN IBNUSABIL

OBJEKTIF

Membantu meringankan beban kewangan mereka yang hendak memulakan perjalanan atau mereka yang terputus perjalanan yang diharuskan oleh syara' atas sebab ketiadaan, kehabisan atau kehilangan wang bagi membolehkannya sampai ke destinasi yang perlu atau pulang ke tempat asal pemohon.

KEKERAPAN

Kadar bantuan diberi sekali sahaja

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon hendaklah beragama Islam.
2. Terputus perjalanan kerana kehabisan wang atas keperluan terdesak atau keciciran atau kecurian yang telah dilaporkan kepada pihak polis (i.e perlu laporan polis).
3. Mempunyai kad pengenalan diri, pasport atau dokumen perjalanan yang sah (sekiranya ada).
4. Tiada mempunyai saudara mara atau sahabat handai atau orang-orang yang dikenali yang dapat dihubungi dan dapat membantu.
5. Telah dibuat siasatan oleh pegawai Tabung Baitulmal Sarawak.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Laporan Polis.
3. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.